

KOPENAS: TERMA DAN SYARAT BAGI PROMOSI PEMBIAYAAN MESRA RAYA 2025

1. Kelayakan:

- Terbuka kepada kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia yang berjawatan tetap dan kakitangan yang berjawatan *Contract of Service (COS)* yang berumur tidak melebihi 55 tahun pada tahun 2025.
- Anggota / pelanggan perlu memenuhi syarat asas kelayakan iaitu telah menjadi anggota KOPENAS, kadar gaji bersih di slip gaji tidak melebihi 60% dan tidak berstatus “Bankrap”.
- Anggota mesti mempunyai skor kredit yang memuaskan.

2. Jumlah Pembiayaan:

- Jumlah maksima pembiayaan adalah sehingga RM5,000. Tertakluk kepada kelayakan pemohon dan budi bicara pihak KOPENAS.

3. Tempoh Pembiayaan:

- Tempoh pembiayaan sehingga 36 bulan (3 tahun) bergantung kepada kelayakan dan umur pemohon.

4. Tempoh Promosi

- Promosi ini hanya sah bermula 20 Februari 2025 hingga 21 Mac 2025 sahaja.
- Permohonan pembiayaan perlu dikemukakan dalam tempoh promosi ini sahaja untuk layak mendapatkan kadar keuntungan (urusian) istimewa serendah 3.5% setahun.

5. Kadar Keuntungan:

- Kadar keuntungan yang ditawarkan semasa promosi ini adalah serendah 3.5% setahun dan hanya sah dalam tempoh promosi ini dijalankan sahaja.
- Kadar tetap 3.5% hanya sah bagi permohonan pembiayaan RM 300,000 pertama yang diterima sepanjang tempoh promosi bermula 20 Februari 2025 hingga 21 Mac 2025 sahaja.
- Kadar Keuntungan yang diberikan ini adalah bersifat tetap dan tidak akan berubah-ubah walaupun Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan *Overnight Policy Rate (OPR)* sebelum tamat pembayaran pembiayaan ini.

6. Dokumen Diperlukan:

- Borang pembiayaan dan dokumen sokongan yang lengkap (telah disahkan majikan); Slip gaji 2 bulan terkini dan surat opsyen bersara (bagi yang berusia 50 tahun ke atas sahaja).

7. Bayaran / Caj Pemprosesan:

- Caj pemprosesan sebanyak RM100 akan dikenakan bagi setiap permohonan yang berjaya.

8. Tempoh Pembayaran Balik

- Tempoh pembiayaan pemohon adalah bergantung kepada tempoh pembiayaan yang dipilih anggota. Maksima tempoh pembiayaan anggota adalah selama 3 tahun.
- Sila rujuk jadual pembayaran yang diberikan di pautan dibawah:
(dapatkan jadual pembiayaan bagi kadar 3.5% untuk tempoh pembiayaan selama 3 tahun dari Unit Pembiayaan)

9. Penamatan Awal:

- Penalti 5% akan dikenakan jika pembiayaan diselesaikan lebih awal daripada tempoh yang dipersetujui.

10. Tertakluk kepada Kelulusan

- **Kelulusan Kredit:**

Semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan KOPENAS - Mesyuarat JKK Pembiayaan Peribadi (berdasarkan penilaian kredit dan keupayaan pembayaran balik).

11. Penamatan Promosi

- KOPENAS Berhad berhak untuk menamatkan promosi lebih awal pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, lanjutan tempoh promosi akan diwar-warkan kepada anggota menerusi platform media sosial rasmi KOPENAS bergantung kepada keputusan dan persetujuan dari Pengurusan Tertinggi dan Mesyuarat JKK Pembiayaan Peribadi KOPENAS.